
International Journal of Education, Psychology and Counseling
EISSN : 0128-164X
IJEPC
Volume 8 Issue 49 (March 2023) PP. 239-258
DOI 10.35631/IJEPC.849017



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)
www.ijepc.com

PENGARUH SIKAP SEBAGAI PENGANTARA HUBUNGAN DI ANTARA ASPEK EFIKASI KENDIRI DENGAN KEMAHIRAN PENYELESAIAN MASALAH MATEMATIK

THE EFFECT OF ATTITUDE AS A MEDIATOR OF THE RELATIONSHIP BETWEEN SELF-EFFICCY AND MATHS PROBLEM SOLVING SKILLS

Zulianis Alias[1*], Mohd Fairuz Jafar[2], Marini Kasim[3]

[1] School of Education, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: zulianisalias@yahoo.com
[2] School of Education, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: mohd.fairuz.jafar@uum.edu.my
[3] School of Education, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: marini@uum.edu.my
[*] Corresponding Author

Article Info:

Article history:
Received date: 19.01.2023
Revised date: 15.02.2023
Accepted date: 23.03.2023
Published date: 31.03.2023

To cite this document:

Alias, Z., Jafar, M. F., & Kasim, M. (2023). Pengaruh Sikap Sebagai Pengantara Hubungan Di Antara Aspek Efikasi Kendiri Dengan Kemahiran Penyelesaian Masalah Matematik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, *8* (49), 239-258.

DOI: 10.35631/IJEPC.849017

This work is licensed under CC BY 4.0

Abstrak:

Kemahiran penyelesaian masalah Matematik adalah proses kognitif yang ditekankan dalam kurikulum pendidikan Matematik di Malaysia. Namun, data TIMSS dan PISA menunjukkan kemahiran penyelesaian masalah Matematik dalam kalangan murid masih lemah. Kajian ini bertujuan mengkaji pengaruh aspek efikasi dan sikap terhadap kemahiran penyelesaian masalah Matematik. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitaif sepenuhnya. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah pensampelan berkelompok dan pensampelan rawak mudah. Sampel kajian ialah 450 orang murid di sekolah rendah di negeri Kedah. Tiga instrumen kajian yang digunakan iaitu *Mathematical Problem Solving Self-Efficacy*, *Attitudes Towards Problem Solving Skills* dan 10 soalan penyelesaian masalah dalam topik Nombor dan Operasi Tahun 5 . Data dianalisis menggunakan perisian *IBM Statistics* dan *Smart*-PLS versi 4. Dapatan menujukkan bahawa aspek efikasi dan sikap mempengaruhi kemahiran penyelesaian masalah Matematik. Sikap terhadap Matematik berperanan sebagai pengantara. Kajian ini memberi maklumat bahawa aspek sikap menjadi penghubung yang penting di antara aspek efikasi dengan kemahiran penyelesaian masalam Matematik dalam kalangan murid sekolah rendah. Kajian ini membantu guru dengan menyalurkan maklumat tentang faktor efektif yang paling mempengaruhi kemahiran penyelesaian masalah Matematik adalah sikap dan membantu penggubal dasar untuk menyediakan program atau aktiviti yang menjurus kepada efikasi dan sikap murid terhadap Matematik.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 8 Issue 49 (March 2023) PP. 239-258
DOI 10.35631/IJEPC.849017

Kata Kunci:

Efikasi Kendiri, Sikap, Kemahiran Matematik, Kemahiran Penyelesaian Masalah Matematik

Abstract:

Maths problem solving skills are a cognitive process that is emphasized in the Malaysia Mathematics education curriculum. However, TIMSS and PISA data show that students' Maths problem solving skills are still weak. This study aims to examine the effect of attitudes on Mathematical as a mediator between the relationship self-efficacy and maths problem solving skills. The design of this study is correlational research with a fully quantitative method to test the research hypotheses. Data were collected using cluster and simple random sampling methods. The study sample is 450 students in primary schools in the state of Kedah. The three research instruments used are Mathematical Problem Solving Self-Efficacy, Attitudes Towards Problem Solving Skills and math problem solving questions in the Year 5 Number and Operations topic. Data was analyzed using IBM Statistics software and Smart-PLS version 4. Findings show that aspects of efficiency and attitude affect Maths problem solving skills. Attitude towards Mathematics acts as a mediator. This study provides information that the aspect of attitude is an important link betweenself-efficacy and math problem solving skills in Mathematics among primary school students. This study helps teachers to give some information about the effective factor that most affects Math problem solving skills is attitude and helps policy makers to prepare programs or activities aimed at the efficiency and attitude of students towards Mathematics.

Keywords:

Self-Efficacy, Attitude Towards Mathematics, Math Problem Solving Skills

Pengenalan

Kemahiran penyelesaian masalah Matematik merupakan satu kemahiran yang penting dan menjadi keperluan dalam kurikulum Matematik di seluruh dunia (Tambunan 2019). Penyelesaian masalah Matematik melibatkan proses kognitif yang tinggi seperti memahami, merancang strategi, melaksanakan strategi dan menyelesaikan masalah sehingga mendapat jawapan yang tepat (Polya, 1957). Oleh yang demikian, murid-murid memerlukan kesungguhan, ketabahan, ketekunan, dan keyakinan (Norulbiah & Effandi, 2016) serta pemikiran kreatif dan kritis (Nekmahtul & Masitah, 2015) untuk menguasai kemahiran penyelesaian masalah Matematik. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2013) mengambil pelbagai langkah meningkatkan tahap kemahiran penyelesaian masalah Matematik dalam kalangan murid-murid di Malaysia.

Salah satu langkah yang diambil oleh KPM dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 ialah untuk meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah (KPM, 2013). PPPM 2013-2025 memberi tumpuan kepada kemahiran penyelesaian masalah dalam subjek STEM seperti, Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik, Fizik, Biologi, Bahasa Inggeris dan subjek-subjek lain (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Maka, KPM menetapkan satu garis panduan dan matlamat yang perlu dicapai oleh murid-murid dalam Matematik iaitu menguasai kemahiran penyelesaian masalah Matematik. Selain itu, KPM (2017) juga

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 8 Issue 49 (March 2023) PP. 239-258
DOI 10.35631/IJEPC.849017
memperkenalkan kurikulum baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Matematik sejak tahun 2011 bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR).

Kemahiran penyelesaian masalah Matematik ini amat perlu dikuasai oleh murid-murid kerana objektif utama adalah untuk meningkatkan kemahiran murid-murid dalam menyelesaikan pelbagai masalah Matematik berkaitan kehidupan seharian (Gurat, 2018). Kemahiran penyelesaian masalah Matematik melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang membimbing murid-murid untuk menyelesaikan masalah Matematik secara kreatif dan kritis supaya mampu memberi saingan di peringkat global (Zaidir et al., 2019; Ismail, Nasir, Haron & Kelewon, 2021). Kemahiran penyelesaian masalah Matematik boleh membantu meningkatkan dan mengembangkan kemahiran pemahaman murid (Mulyati, Herman, & Mulyana 2017), meningkatkan daya imaginasi murid (Wibowo et al., 2017) dan mengembangkan kreativiti murid (Leikin, 2014; Yazgan 2015; Suastika 2017; Russo & Hopkins, 2017). Oleh itu, penguasaan kemahiran penyelesaian masalah Matematik sangat penting dan menjadi salah satu aspek yang perlu dititikberatkan dalam kurikulum sekolah rendah. (Hassan, Hussin,Siraj, Sapar, & Ismail, 2019).

Namun begitu, berdasarkan kepada keputusan mata pelajaran Matematik dalam kalangan murid Malaysia dalam pentaksiran antarabangsa TIMSS dan PISA, skor yang diperoleh oleh murid-murid Malaysia masih berada di bawah skor purata yang ditetapkan (Abdullah et al., 2015). Ini menunjukkan bahawa murid-murid di Malaysia belum menguasai kemahiran kognitif, mengaplikasi pengetahuan dalam penyelesaian masalah serta kebolehan menaakul dalam menyelesaikan masalah Matematik. Hal ini amat membimbangkan kerana kebanyakan murid di negara lain telah menunjukkan pencapaian tahap yang lebih tinggi berbanding dengan pencapaian murid-murid Malaysia dalam pentaksiran antarabangsa tersebut (Avvisati, Echazarra, Givord, & Schwabe, 2019; Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2019).

Kemahiran penyelesaian masalah Matematik dalam kalangan murid yang lemah bukan hanya bergantung kepada faktor kognitif malah faktor efektif turut mempengaruhinya (Hui & Rosli, 2021; Kohen et al. 2019; Mason, 2016). Antara faktor efektif yang mempengaruhi kemahiran penyelesaian masalah Matematik seperti, motivasi, minat, efikasi kendiri, kebimbangan Matematik dan sikap murid terhadap Matematik. Kajian-kajian lepas mendapati efikasi kendiri menjadi faktor peramal yang kuat terhadap pencapaian Matematik (Van Herpen, Meeuwisse, Hofman & Severiens, & Arends, 2017; KlineKlieme, Schütze & Besser, 2019; Alhadabi, & Karpinski, 2020). Efikasi kendiri merujuk kepada keyakinan murid-murid terhadap kemampuan mereka untuk melakukan sesuatu tugasan dengan baik (Bandura, 1997; Hasliza, Siti Noor, Mohamad Adnan & Suhaila, 2016). Murid-murid yang tinggi efikasi kendiri akan lebih bermotivasi dan cekal menghadapi tugasan yang sukar dan mencabar. Manakala, murid-murid yang rendah efikasi kendiri kurang keyakinan terhadap kemampuan untuk menyelesaikan soalan yang susah (Chang & Beilock, 2016; Lai et al., 2015; Wang et al., 2015).

Walaupun, kajian-kajian lepas merekodkan hubungan secara langsung di antara efikasi kendiri dengan kemahiran penyelesaian masalah Matematik (Fajariah, Dwidayati & Cahyono, 2017: Amri & Widada, 2018), namun kajian lepas itu berada pada ruang lingkup di peringkat institusi pengajian tinggi (Bakar & Ayub, 2020; Özbal et al., 2019) dan sekolah menengah (Öztürk et al., 2020; Demitra & Sarjoko, 2018; Khoiriyah & Husamah, 2018; Kundu & Ghose, 2016). Selain itu, Azizi Subeli dan Roslinda Rosli (2021) pula mendapati salah satu faktor yang menyumbang kepada kemahiran penyelesaian masalah Matematik ialah sikap murid terhadap

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 8 Issue 49 (March 2023) PP. 239-258
DOI 10.35631/IJEPC.849017
Matematik. Hubungan yang signifikan antara sikap dengan pencapaian Matematik (Ajisuksmo & Saputri, 2017; Bakar dan Ayub, 2020) mendorong murid-murid bersedia menjawab soalan Matematik yang mempunyai aras kesukaran yang tinggi (Kusaeri et al., 2019; Maharani et al., 2019). Kajian yang dijalankan oleh (Kundu Ghose, 2016; Nicolaidou & Philippou, 2003) mengesahkan hubungan positif antara sikap terhadap Matematik dan efikasi kendiri dalam penyelesaian masalah Matematik. Namun begitu, murid-murid cenderung untuk bersikap negatif terhadap Matematik dan mengelak dari menyelesaikan soalan penyelesaian masalah Matematik kerana mereka menganggap Matematik subjek yang sukar (Hagan, Amoaddai, Lawer, & Atteh, 2020). Manakala, kajian June dan Eamoraphan (2019) mendapati tiada hubungan yang signifikan antara efikasi kendiri dengan sikap terhadap Matematik dalam kalangan murid Gred 10 di Mynmar. Bagaimanapun, hubungan efikasi kendiri dengan sikap terhadap Matematik dikaji terhadap pencapaian Matematik dan masih kurang kajian yang menumpukan kepada kemahiran penyelesaian masalah Matematik. Kajian Norulbiah dan Effandi (2016) mendapati sikap terhadap Matematik dengan kemahiran penyelesaian masalah Matematik berada pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan murid-murid mudah berputus asa sekiranya mereka gagal menyelesaikan masalah Matematik. Hubungan efikasi kendiri terhadap penyelesaian masalah Matematik dikaji secara langsung terhadap kemahiran penyelesaian masalah Matematik (Kamalimoghaddam, Tarmizi, Ayub & Wan Jaafar, 2016). Begitu juga dengan hubungan sikap terhadap Matematik dengan kemahiran penyelesaian masalah Matematik juga dikaji secara langsung (Öztürk et al., 2020). Kajian Kundu Ghose, 2016; Nicolaidou & Philippou, 2003) mendapati hubungan positif antara sikap terhadap Matematik dan efikasi kendiri Matematik. Justeru, kajian lanjutan perlu dilakukan untuk mengkaji faktor sikap terhadap Matematik sebagai pengantara antara hubungan efikasi kendiri dengan kemahiran penyelesaian masalah Matematik dalam kalangan murid-murid.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, maka kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif-objektif berikut:

1. Mengkaji pengaruh secara langsung efikasi kendiri dalam penyelesaian masalah Matematik dan kemahiran penyelesaian masalah Matematik dalam kalangan murid sekolah rendah di negeri Kedah.
2. Mengkaji pengaruh secara langsung sikap Matematik terhadap kemahiran penyelesaian masalah Matematik dalam kalangan murid sekolah rendah di negeri Kedah.
3. Mengkaji pengaruh secara langsung efikasi kendiri dalam penyelesaian masalah Matematik terhadap sikap Matematik dalam kalangan murid sekolah rendah di negeri Kedah.
4. Mengkaji peranan sikap Matematik sebagai pengantara di dalam hubungan antara efikasi kendiri dalam penyelesaian masalah Matematik dan kemahiran penyelesaian masalah Matematik dalam kalangan murid sekolah rendah di negeri Kedah.

Tinjauan Literatur

Kemahiran Penyelesaian Masalah Matematik

Rajkumar dan Hema (2019) mendefinisikan kemahiran penyelesaian masalah Matematik sebagai keupayaan menyelesaikan masalah dan memindahkan strategi penyelesaian masalah dengan menunjukkan langkah pengiraan secara jelas dengan menerapkan kemahiran kognitif seperti penaakulan dan pemikiran logik. Proses di mana murid-murid menggunakan pengetahuan, kemahiran dan kefahaman untuk memenuhi tuntutan situasi yang lazim atau pun baharu mengikut kemampuan masing-masing. Manakala kemahiran penyelesaian masalah

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 8 Issue 49 (March 2023) PP. 239-258
DOI 10.35631/IJEPC.849017
Matematik dalam kajian ini merujuk kepada kemahiran yang digunakan oleh murid-murid untuk menyelesaikan soalan penyelesaian masalah Matematik seperti kemahiran membaca, memahami, menyelesaikan dan menyemak jawapan (Polya, 1957).

Terdapat beberapa penyelidik yang mentakrifkan kemahiran penyelesaian masalah Matematik sebagai satu kemahiran yang melibatkan aras kognitif yang tinggi kerana melibatkan proses yang sangat kompleks (Mokhtar et al. 2019; Abdullah et al., 2019; Eviyanti et al. (2017). Berdasarkan kepada kajian (Norulbiah & Effandi, 2016; Nekmahtul & Masitah, 2015) menyatakan bahawa kemahiran penyelesaian masalah Matematik ini memerlukan kesungguhan dan semangat yang tinggi bagi menyelesaikan masalah Matematik yang sukar dan kompleks. Selain itu, kemahiran penyelesaian masalah Matematik juga dapat membantu murid-murid menyelesaikan masalah dalam kehidupan harian mereka (Karatas & Baki, 2013; Abdullah et al., 2019). Terdapat beberapa lagi kemahiran yang penting seperti kemahiran fakta nombor, kemahiran arithmetik, kemahiran maklumat, kemahiran bahasa dan kemahiran visualisasi yang boleh membantu meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah Matematik (Abdullah, 2020).

Rajkumar dan Hema (2019) turut mentakrifkan kemahiran penyelesaian masalah Matematik sebagai keupayaan untuk menyelesaikan masalah yang sebenar dan memindahkan maklumat yang difahami kepada strategi penyelesaian masalah melalui metakognisi dan teknologi serta keupayaan untuk menyelesaikan masalah dengan mengaplikasi kemahiran kognitif seperti penaakulan dan pemikiran logik. Eviyanti et al. (2017) pula mendefinisikan kemahiran penyelesaian masalah Matematik sebagai kebolehan dalam menyelesaikan masalah berdasarkan kepada pengalaman dalam menyelesaikan pelbagai masalah berayat yang memerlukan sedikit kreativiti, pemahaman dan pemikiran atau imaginasi seseorang yang menghadapi masalah dengan membuktikan, mencipta atau mencari corak penyelesaian dalam Matematik. Justeru, kemahiran penyelesaian masalah Matematik dalam kajian ini ditakrifkan sebagai sebagai kemahiran yang sangat kompleks yang memerlukan pemahaman soalan yang tinggi berkaitan aktiviti kehidupan harian serta menggunakan strategi penyelesaian masalah secara kreatif dan kritis. Bahagian seterusnya membincangkan kajian-kajian lepas tentang kemahiran penyelesaian masalah Matematik.

Kajian-kajian lepas mendapati faktor efektif turut mempengaruhi kemahiran penyelesaian masalah Matematik (Hui & Rosli, 2021; Kohen et al. 2019; Mason, 2016). Faktor efektif seperti sikap terhadap Matematik (Husain, 2020; Reimer et. al., 2018; Ngussa & Mbuti, 2017) dan efikasi kendiri (Gunderson et. al., 2018; Hammoudi, 2020; Huang, Zhang & Hudson, 2019; Peixoto et. al., 2017) yang perlu dikaji. Faktor efektif ini terjadi disebabkan oleh diri murid itu sendiri yang turut memainkan peranan penting dalam menguasai kemahiran penyelesaian masalah Matematik (Ngoung Baul & Mahmud, 2021). Murid-murid bukan sahaja lemah dalam menguasai kemahiran asas tetapi juga lemah dari segi faktor-faktor lain seperti sikap yang tergesa-gesa dalam menyelesaikan masalah, mudah lupa, kurang berhati-hati dalam pengiraan, tanggapan bahawa Matematik subjek yang sukar dan sikap malas telah menimbulkan perasaan tidak menyukai Matematik serta tidak berminat untuk belajar juga perlu ditangani terlebih dahulu (Vitaloka et al., 2020).

Secara tidak langsung, keadaan tersebut telah menyebabkan murid gagal dalam menyelesaikan soalan masalah Matematik. Ini selari dengan hasil dapatan kajian Hashim dan Ahmad (2016) yang mendapati sikap, minat dan motivasi terhadap kemahiran penyelesaian masalah merupakan salah satu punca yang menyebabkan murid-murid lemah dalam menyelesaikan

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 8 Issue 49 (March 2023) PP. 239-258
DOI 10.35631/IJEPC.849017
masalah Matematik. Oleh itu, kajian selanjutnya akan mengkaji tentang efikasi kendiri dalam penyelesaian masalah Matematik dan sikap Matematik terhadap kemahiran penyelesaian masalah Matematik.

Efikasi Kendiri Dalam Penyelesaian Masalah Matematik

Bandura (1997) mentakrifkan efikasi kendiri sebagai keyakinan diri seseorang terhadap keupayaannya untuk mengatur dan melaksanakan beberapa siri tindakan untuk mencapai matlamat. Maddux (2000) mendefinisikan efikasi kendiri sebagai kepercayaan seseorang yang melakukan sesuatu atau melengkapkan kemahiran yang dimilikinya dalam situasi atau keadaan tertentu. Efikasi kendiri dalam penyelesaian masalah Matematik dalam kajian ini dioperasikan sebagai keyakinan terhadap keupayaan diri menyelesaikan sebarang bentuk soalan penyelesaian masalah Matematik berdasarkan kepada pengalaman yang dilalui dengan menggunakan kaedah dan strategi penyelesaian secara kreatif dan kritis berdasarkan topik Matematik dalam Dokumen Standard Kurikulum Matematik Tahun 5. Berdasarkan teori Kognitif Sosial, efikasi kendiri dianggap sebagai keyakinan seseorang terhadap keupayaan diri untuk melakukan sesuatu tugas dan penilaian seseorang terhadap keupayaannya untuk mengatur, mengawal, dan menjalankan tugasan untuk mencapai hasil yang diinginkan (Bandura, 1986; Koyuncu et al., 2017). Ketelhut (2007) berpendapat bahawa efikasi kendiri ialah kepercayaan bahawa seseorang boleh berjaya dalam melaksanakan sesuatu tingkah laku. Manakala, Bandura (2012) mendefinisikan efikasi kendiri sebagai keyakinan diri terhadap keupayaan seseorang untuk menangani sesuatu masalah.

Murid-murid yang mempunyai kepercayaan dan efikasi kendiri yang tinggi berpeluang untuk memperolehi tahap kecemerlangan yang tinggi (Alhadabi & Karpinski, 2020; Rakoczy et al., 2019; Schöber, Schütte, Köller, McElvany, & Gebauer, 2018; Wang, Liang, Lin, & Tsai, 2017). Apabila mereka merasakan diri adalah kreatif, secara tidak langsung akan membina efikasi kendiri tinggi (Regier & Savic, 2020). Aspirasi pendidikan serta efikasi kendiri murid akan menjadi positif secara tidak langsung hasil daripada motivasi yang berkesan (Liu et al., 2020; Morán-Soto & Benson, 2018). Efikasi kendiri yang tinggi dalam pendidikan Matematik juga diperoleh daripada pengalaman lepas murid itu sendiri (Morán-Soto & Benson, 2018; Tustyaningsih, Sulistyono & Jatmiko, 2017). Apabila mereka telah memperoleh kejayaan dan kecemerlangan sebelum ini, maka keyakinan mereka cukup tinggi.

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas, antara aspek afektif yang dianggap sebagai faktor peramal terkuat untuk meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah Matematik ialah efikasi kendiri (Kamalimoghaddam, Tarmizi, Ayub & Wan Jaafar, 2016; Williams & Williams, 2010; Bandura et al., 1996). Efikasi kendiri memainkan peranan penting bagi setiap individu untuk mencapai kejayaan yang ingin dimiliki (Ozgen, 2013; Vanhaltren, 2016; Koyuncu et al., 2017). Efikasi kendiri dalam penyelesaian masalah Matematik adalah keyakinan yang dimiliki oleh murid-murid untuk menyelesaikan soalan penyelesaian masalah Matematik dan berasa yakin menggunakan kemahiran penyelesaian Matematik untuk mencari jawapan dengan betul (Schunk & Pajares, 2002). Maka, murid-murid akan berusaha bersungguh-sungguh menyelesaikan soalan penyelesaian masalah Matematik sekiranya mereka mempunyai keyakinan terhadap kemampuan diri menyelesaikan soalan penyelesaian masalah Matematik, (Marion et al., 2015). Namun begitu, murid-murid kurang yakin terhadap keupayaan diri untuk menyelesaikan masalah Matematik terutama soalan yang sukar (Justicia-Galiano, Mart_ın-Puga, Linares, & Pelegrina, 2017). Maka, berdasarkan sorotan literatur ini, satu hipotesis telah dibangunkan iaitu:

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 8 Issue 49 (March 2023) PP. 239-258
DOI 10.35631/IJEPC.849017

H1: *Efikasi kendiri mempunyai pengaruh secara langsung terhadap kemahiran penyelesaian masalah Matematik dalam kalangan murid sekolah rendah di negeri Kedah.*

Sikap Terhadap Matematik

Zan Martino dan Di Martino (2007) mendefinisikan sikap terhadap Matematik sebagai emosi positif atau negatif terhadap Matematik. Sikap dapat dibentuk daripada kepercayaan, reaksi emosi dan tingkah laku individu. Seseorang menentukan apa yang perlu difikirkan, dirasai dan bagaimana individu berkelakuan untuk membentuk sikap (Leder, 1992).

Sikap murid terhadap penyelesaian masalah Matematik telah dikenalpasti sebagai faktor kritikal (Asomah, Dennis, Alhassan et al. 2018; Asomah, Wilmot & Ntow, 2018). Sikap murid terhadap penyelesaian masalah Matematik adalah pada tahap yang sederhana yang mana murid-murid didapati mudah putus asa apabila tidak dapat menyelesaikan masalah Matematik (Norulbiah & Effand, 2016). Ini menunjukkan bahawa murid-murid masih lagi lemah terhadap soalan penyelesaian masalah Matematik dan mempunyai sikap yang negatif terhadap soalan penyelesaian masalah Matematik. Selain memiliki sikap negatif terhadap penyelesaian masalah Matematik, kajian lepas juga telah merekodkan murid-murid kurang bersedia dalam menjawab soalan penyelesaian masalah Matematik (Kusaeri et al., 2019; Maharani et al., 2019). Dapatan-dapatan ini mengesahkan bahawa sikap murid-murid terhadap Matematik belum lagi mencapai tahap sepatutnya dalam memastikan menguasai kemahiran penyelesaian masalah Matematik.

Öztürk et al. (2020) mendapati sikap terhadap Matematik mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kemahiran penyelesaian masalah Matematik dalam kalangan murid di Turki. Selain itu, dalam kajian lepas turut mengkaji sikap terhadap Matematik dengan kemahiran penyelesaian masalah Matematik dengan bantuan alat bantu mengajar (Siagian, Saragih & Sinaga, 2019; Hendriana, Johanto & Sumarmo, 2018). Maka, berdasarkan sorotan literatur ini, satu hipotesis telah dibina iaitu:

H2 ***:*** *Sikap Matematik mempunyai pengaruh secara langsung terhadap kemahiran penyelesaian masalah Matematik dalam kalangan murid sekolah rendah di negeri Kedah.*

Hubungan Antara Efikasi Kendiri dan Sikap Terhadap Matematik

Murid-murid yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi akan bersikap positif terhadap Matematik. Mereka menjadi lebih tekun, fokus, bertahan dan cekal menyelesaikan soalan masalah yang susah berbanding murid-murid yang mempunyai efikasi kendiri yang rendah akan bersikap negatif seperti mudah berputus asa, mengelak dari menyelesaikan masalah Matematik, kurang berminat dan mempunyai tanggapan bahawa Matematik subjek yang susah (Primi et al., 2020).

Kajian June dan Eamoraphan (2019) mendapati tiada hubungan yang signifikan antara efikasi kendiri dengan sikap terhadap Matematik dalam kalangan murid Gred 10 di Mynmar. Namun begitu, kajian yang dijalankan oleh (Kundu Ghose, 2016; Nicolaidou & Philippou, 2003) mendapati terdapat hubungan positif antara sikap terhadap Matematik dan efikasi kendiri dalam penyelesaian masalah Matematik. Sementara itu, kajian Özdemir et al. (2021) mendapati 37 peratus varians dalam pencapaian adalah murid yang mempunyai idea abstrak, efikasi kendiri dan sikap terhadap Matematik. Kajian Laranang dan Bondoc (2020) juga mendapati efikasi kendiri dalam Matematik dapat meningkatkan sikap terhadap Matematik murid. Oleh itu, kajian ini ingin mengkaji pengaruh efikasi kendiri dalam penyelesaian masalah Matematik terhadap sikap Matematik murid. Dengan itu, hipotesis di bawah telah dibangunkan:

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 8 Issue 49 (March 2023) PP. 239-258
DOI 10.35631/IJEPC.849017

H3: *Efikasi kendiri mempunyai pengaruh secara langsung terhadap sikap Matematik dalam kalangan murid sekolah rendah di negeri Kedah.*

Sikap Terhadap Matematik Sebagai Pengantara

Kajian terdahulu (Altawallbeh et al. 2015; Norjaya et al. 2009; Mohammadzādeh et al. 2016; Wan & Qiping 2015; Nur Thara Atikah, Amran & Jaratin 2017) telah menunjukkan peranan sikap dalam mengantara hubungan antara suatu pemboleh ubah dengan hasil yang dikaji. Kajian Mohammadzādeh et al. (2016) misalnya, menunjukkan kesan pengantara sikap terhadap Matematik terhadap hubungan antara persepsi guru tentang optimism akademik dengan pencapaian Matematik murid. Sementara itu, dalam kajian yang dilaksanakan oleh Altawallbeh et al. (2015) ke atas 360 orang pensyarah di tiga buah universiti di Jordan, sikap didapati mengantara hubungan antara kepercayaan dan hasrat mereka untuk melakukan e-pembelajaran.

Kajian Wan dan Qiping (2015) juga mendapati sikap mengantara hubungan antara ciri *urban green space* dengan tingkah laku. Manakala, kajian Nur Thara Atikah, Amran dan Jaratin (2017) mendapati wujudnya kesan pengantara sikap dalam hubungan antara kepercayaan terhadap sumber *word-of-mouth* elektronik ke atas pengguna internet. Dengan itu, hipotesis di bawah telah dibangunkan:

H4: *Sikap Matematik berperanan sebagai pengantara hubungan di antara efikasi kendiri dalam penyelesaian masalah Matematik terhadap kemahiran penyelesaian masalah Matematik dalam kalangan murid sekolah rendah di negeri Kedah.*

Metodologi Kajian

Rekabentuk kajian ialah penyelidikan korelasi *(correlational design)* dengan menggunakan pendekatan kuantitatif sepenuhnya. Populasi kajian ini adalah individu iaitu murid-murid Tahun Lima di negeri Kedah. Menurut data daripada Unit Pengurusan Sekolah Jabatan Pendidikan Negeri Kedah (JPNK, 2022) terdapat seramai 31,192 murid tahun Lima di seluruh negeri Kedah dan murid-murid ini dianggap sebagai populasi bagi kajian ini.

Saiz sampel ditetapkan sebanyak 450 responden yang melebihi saiz maksimum sampel bagi populasi yang melebihi 35,000 responden (Cavana et al., 2001), iaitu sebanyak 379 responden. Saiz yang lebih besar ini diperlukan bagi mengatasi masalah kemungkinan responden tidak menjawab soal selidik dengan lengkap serta bagi mengatasi masalah jika sambutan daripada responden utntuk menjawab soal selidik adalah tidak menggalakkan. Maka, kajian ini menggunakan 450 murid tahun Lima sebagai sampel kajian. Kajian ini menggunakan teknik persampelan berkelompok dan persampelan rawak mudah berdasarkan pandangan Olsen dan George (2004) Senarai sekolah diperolehi dari Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan dikelompokkan kepada Sembilan (9) daerah. Sebuah sekolah dari setiap daerah dipilih dan persampelan rawak mudah digunakan bagi memilih responden.

Kajian ini menggunakan tiga instrumen yang diadapatasi iaitu, *Mathematical Problem Solving Self-Efficacy* (Pajares & Miller, 1994) untuk mengukur efikasi kendiri dalam penyelesaian masalah Matematik, *Attitudes Towards Problem Solving Skills* (ATPSS; Charles, Lester & O'Daffer, 1987) untuk mengukur sikap terhadap Matematik dan 10 soalan penyelesaian masalah dalam topik Nombor dan Operasi Tahun 5 (KPM, 2017) untuk mengukur kemahiran penyelesaian masalah Matematik. Murid-murid diminta untuk memberi respon kepada Skala Likert lima mata bagi menunjukkan tahap persetujuan mereka terhadap pernyataaan yang digunakan dalam instrumen ini iaitu (1= sangat tidak setuju hingga 5= sangat setuju).

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 8 Issue 49 (March 2023) PP. 239-258
DOI 10.35631/IJEPC.849017

Jadual 1 menunjukkan spesikasi dan keputusan ujian kebolehperayaan instrumen yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 1: Spesifikasi Instrumen Kajian Mengikut Bahagian

Bahagian	Aspek	Bil. Item	Sumber	Cronbach Alpha
Bahagian A	Demografi	8		
Bahagian C	Efikasi Kendiri dalam Penyelesaian Masalah Matematik	10	*Mathematical Problem- Solving Self-Efficacy*	0.812
Bahagian D	Sikap Terhadap Matematik	17	*Attitudes Towards Problem Solving Skills*	0.812
Bahagian E	Ujian Penyelesaian Masalah Matematik	10	(DSKP Tahun 5, 2017)	0.704
	Jumlah Item	**45**		

Dapatan Kajian

Latarbelakang Responden

Seramai 450 responden terlibat dan mengembalikan soal selidik yang diberikan. Jadual 2 merumuskan taburan responden berdasarkan latarbelakang mereka. Berdasarkan Jadual 2, kajian mendapati sebanyak 194 orang responden (43.1%) terdiri daripada murid lelaki manakala sebanyak 256 orang responden (56.9%) adalah murid perempuan, dengan murid-murid yang tinggal di bandar seramai 286 (63.6%) dan seramai 184 (36.4%) orang responden tinggal di kawasan luar bandar. Taburan data juga menunjukkan seramai 401 orang responden (89.1%) yang belajar di kawasan bandar. Manakala, seramai 49 orang repondan (10.9%) pula berada di kawasan luar bandar. Data juga menunjukkan tiada responden yang memperolehi TP1 dan TP6. Manakala, hanya seorang sahaja responden (0.2%) yang memperolehi TP2 dan 80 orang responden (17.3%) mendapat TP3 dalam pentaksiran mereka. Tahap penguasaan yang paling banyak direkodkan ialah TP4 iaitu seramai 276 orang responden (61.3%). Terdapat 93 orang responden (20.7%) yang memperolehi TP5.

Jadual 2: Latar Belakang Responden

	Frekuensi	Peratusan
Jantina		
Lelaki	194	43.1
Perempuan	256	56.9
Lokasi Tempat Tinggal		
Bandar	286	63.6
Luar Bandar	184	36.4
Lokasi Sekolah		
Bandar	401	89.1
Luar Bandar	49	10.9
Tahap penguasaan Matematik		
TP1	0	0
TP2	1	0.2

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 8 Issue 49 (March 2023) PP. 239-258
DOI 10.35631/IJEPC.849017

TP3	80	17.8
TP4	276	61.3
TP5	93	20.7
TP6	0	0
Jumlah	**450**	**100.0**

Analisis Deskriptif

Ujian deskriptif menunjukkan tahap sederhana bagi ketiga-tiga pemboleh ubah kajian. Hasil analisis deskriptif bagi konstruk efikasi kendiri dalam penyelesaian masalah Matematik didapati (M=3.46, SP=.87) juga berada di tahap sederhana seperti yang ditunjukkan di Jadual 3. Keseluruhan keputusan memaparkan bahawa tahap sikap terhadap Matematik dalam kalangan responden yang terlibat adalah berada pada tahap sederhana (M=3.47, SP=.83). Hasil analisis merekodkan tahap kemahiran penyelesaian masalah Matematik berada di tahap sederhana (M=3.37, SP= 1.32). Secara keseluruhannya murid-murid mempunyai kemahiran yang agak sederhana dalam menyelesaikan masalah Matematik.

Jadual 3: Ujian Deskriptif Pemboleh Ubah Kajian

Pemboleh Ubah	Min	SP	Tahap
Efikasi Kendiri dalam penyelesaian masalah Matematik	3.46	0.87	Sederhana
Sikap terhadap Matematik	3.47	.83	Sederhana
Kemahiran penyelesaian masalah Matematik	3.37	1.32	Sederhana

Penilaian Model Pengukuran

Bagi menilai model pengukuran, beberapa analisis telah dijalankan iaitu menilai konsistensi dalaman, kebolehpercayaan indikator (*indicator reliability*), dan menentukan kesahan konvergen dan diskriminan (Hair et al., 2014). Analisis-analisis ini dijalankan bagi menguji perhubungan antara pemboleh ubah laten dan pemboleh ubah yang kelihatan dalam model (Hamid, Ishak & Yusof, 2015). Hasil dapatan daripada aktiviti-aktiviti ini dapat dilihat dalam Jadual 4 dan Jadual 5.


Cronbach's alpha dan kebolehpercayaan komposit digunakan untuk mengukur konsistensi dalaman. Menggunakan indek kebolehpercayaan komposit dan indek Cronbach's Alpha adalah berdasarkan keperluan nilai yang melebihi 0.70 (Hair et al., 2014). Oleh itu, dapat dilihat dalam Jadual 4 bahawa nilai Cronbach's Alpha adalah antara 0.928 hingga 0.967, manakala nilai kebolehpercayaan komposit adalah antara 0.939 hingga 0.971. Dengan ini, kajian ini berjaya menyelesaikan isu konsistensi dalaman model pengukuran.

